

09 APRIL 2018

AJ bos seludup dadah ke Malaysia

13 Tahun Kosmo 2004-2017

Segar • Progresif • Diyakini
AKHBAR PALING PANTAS BERKEMBANG DI MALAYSIA

Ikuti kami di Kosmo Online

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!
www.kosmo.com.my

ISNIN 9 APRIL 2018 **RM1** BIL: 190 TAHUN 13 PP13809/08/2012 (030437)

Thailand tangkap rakyat Malaysia jadi dalang seludup 700 kilogram syabu

POLIS Thailand berjaya menangkap raja dadah rakyat Malaysia dikenali sebagai AJ yang mendalangi percubaan menyeludup 700 kilogram (kg) syabu untuk memasuki Malaysia pada hujung bulan lepas. Identiti raja dadah itu didedahkan oleh Ketua Biro Antinarkotik (NSB) Thailand,

Leftenan Jeneral Sommai Kongvisaisuk dan disokong oleh timbalannya, Mejar Jeneral Thanai Apichartsenee. "AJ adalah orang yang bertanggungjawab terhadap percubaan menyeludup 700kg syabu," kata Sommai di Bangkok semalam.

➤ **LAPORAN DI MUKA 2**

POLIS Thailand menunjukkan salah satu rampasan dadah syabu pada sidang akhbar di Bangkok, Thailand hujung bulan lepas.



Dua lelaki yang ditahan bersama 700 kilogram syabu di Hatyai orang kuat raja dadah AJ bos seludup dadah ke Malaysia

BANGKOK – Seorang lelaki rakyat Malaysia yang dikenali polis Thailand sebagai AJ dipercayai raja dadah yang mendalangi percubaan menyeludup 700 kilogram (kg) syabu untuk memasuki Malaysia pada hujung bulan lepas.

Identiti raja dadah yang mendalangi percubaan menyeludup syabu tersebut didedahkan oleh ketua Biro Anti Narkotik (NSB) Thailand, Leftenan Jeneral Sommai Kongvisaisuk dan disokong oleh timbalannya, Mejar Jeneral Thanai Apichartsenee.

"Dia (AJ) adalah orang yang bertanggungjawab terhadap percubaan menyeludup 700kg syabu," kata Sommai di sini.

Cubaan menyeludup syabu seberat 700kg pada 28 Mac lalu memeranjatkan NSB kerana melibatkan sejumlah besar dadah bernilai lebih 500 juta Baht (RM64 juta) yang cuba dihantar ke Malaysia oleh sindiket itu.

NSB dapat mengenal pasti identiti AJ sebagai dalang sindiket tersebut hasil risikan serta mak-



POLIS Thailand mempamerkan dadah syabu yang cuba diseludup ke Malaysia tetapi berjaya dipatahkan pihak berkuasa negara itu pada 28 Mac lalu.



DUA lelaki rakyat Malaysia yang ditahan bersama dadah syabu yang cuba diseludup ke Malaysia.

lumat yang diperolehi daripada kedua-dua suspek rakyat Malaysia yang ditahan semasa operasi memintas dadah itu di Hatyai.

Kedua-dua suspek berusia 34 dan 49 tahun berasal dari dua buah negeri di utara Semenanjung Malaysia. Mereka ditahan oleh pegawai polis yang menyamar ketika sedang memunggah dadah itu dari lori ke sebuah rumah sewa di sebuah bandar di selatan Thailand.

Turut ditahan seorang lelaki

rakyat Thailand yang memandu lori itu dan seorang lagi lelaki yang memiliki senjata. Semasa operasi itu berlaku insiden tembak-menembak dengan pegawai polis yang menyamar.

Keempat-empat suspek telah dipindahkan ke Bangkok untuk membantu siasatan.

Beberapa hari selepas penahanan dua suspek rakyat Malaysia, tiga pegawai polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman berlepas-

ke Bangkok untuk menyoal siasat mereka.

Mereka menghabiskan masa hampir 10 jam menyoal siasat kedua-dua suspek terbahit.

Thanai yang menyelia operasi Hatyai dan terlibat dalam kejadian tembak-menembak tersebut berkata, pihaknya tidak meragui AJ merupakan dalang kes penyeludupan dadah tersebut manakala dua rakyat Malaysia yang ditahan merupakan orang kepercayaan AJ sehingga diberi



KERATAN Kosmo! 4 April 2018.

tanggungjawab mengambil dadah itu di negara ini.

Beliau juga berkata, 700kg syabu yang dirampas itu bukan untuk pasaran tempatan tetapi disasarkan untuk pasaran antarabangsa seperti Singapura, Indonesia, Australia atau negara lain yang mampu membayar harga tinggi pada dadah itu.

Thanai juga berkata, kedua-dua rakyat Malaysia itu merancang untuk menggunakan sebuah trak yang diubah suai dan mempunyai ruang rahsia untuk menyembunyikan dadah yang hendak diseludup ke negara itu. - Bernama